



PRESS RELEASE

S.A. 2021/02/43 (HQ)

TNB KEKAL TEGUH MENEMPUHI TK2020 YANG MENCABAR

- PAT Kumpulan berjumlah RM3.6 bilion, dengan pendapatan RM44.0 bilion
- Tempoh Kawal Selia Kedua (RP2) dilanjutkan dengan terma yang memberi kelebihan
- Kekal sebagai syarikat tersenarai awam di kedudukan teratas bagi hasil dividen tertinggi

Tenaga Nasional Berhad (TNB) kekal berdaya tahan hingga ke akhir Tahun Kewangan 2020 yang mencabar dengan Keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM3.6 bilion, berbanding RM4.45 bilion bagi tahun sebelumnya. Keuntungan yang rendah ini adalah kesan daripada Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 16 sebanyak RM613.4 juta, pendapatan pembiayaan yang rendah serta diskaun TNB sebanyak RM250 juta yang ditawarkan kepada pelanggan sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, PAT yang rendah disebabkan kesan yang teruk akibat wabak COVID-19 serta akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang telah menyekat aktiviti ekonomi.

“Bagaimanapun, Kumpulan telah menunjukkan daya tahan di sebalik cabaran ini hasil kerjasama padu dan disiplin 35,000 warga kerja TNB yang berpaksikan komitmen kami untuk melaksanakan pelan strategik 10 tahun TNB, Reimagining TNB (RT).”

Pendapatan Kumpulan berkurangan 13.7 % tahun-ke-tahun (T-k-T) kepada RM44 bilion daripada RM50.9 bilion berikutan jualan elektrik yang lebih rendah dan pelarasan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT). Pelarasan ICPT sebanyak RM3 bilion ini disebabkan harga bahan api yang rendah berbanding kedudukan surcay RM1.9 bilion pada TK2019.

Jualan elektrik di peringkat Kumpulan merosot 5.1 % T-k-T kepada 117,003.6 GWj daripada 123,252.0 GWj pada TK2019, terutamanya berpunca daripada permintaan yang rendah di sektor Industri dan Komersial akibat kelembapan ekonomi.

Margin EBITDA bagaimanapun, kekal pada 40.9 % pada TK2020 berikutan penurunan 20.6 % perbelanjaan operasi memandangkan tindakan Kumpulan mengurangkan operasi berikutan kekangan pergerakan ketika pandemik COVID-19.

Pemulihan Berterusan

Memandangkan sektor Industri dan Komersial dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersyarat dan Pemulihan, penguncupan permintaan elektrik menjadi semakin kurang ketara pada tiga bulan terakhir 2020. Penguncupan dicatatkan pada suku tersebut adalah pada -1.1%, jauh lebih rendah berbanding -12.9% ketika tempoh kawalan pergerakan pada suku kedua.

“Dari segi kutipan, kami menyaksikan peningkatan pada suku terakhir 2020 dengan kadar kecekapan kutipan pada 97.0% pada Disember berbanding 87.0% pada April 2020. Ia adalah petanda baik proses pemulihan secara berperingkat apabila aktiviti ekonomi bermula,” kata Amir.

Untuk tahun kewangan 2021 pula, Amir berkata memandangkan kebanyakan sektor Industri dan Komersial dibenarkan beroperasi ketika PKP 2.0, “Kami menjangkakan kesan sekatan pergerakan terhadap permintaan elektrik tidak begitu teruk berbanding TK2020. Menerusi pelanjutan Tempoh Kawal Selia Kedua (RP2), permintaan elektrik TNB dijangka mengalami pertumbuhan 2.9% ke 113,909 GWj.

“Namun begitu, pendapatan daripada entiti yang dikawal selia kami dijamin pada pertumbuhan permintaan seperti yang ditetapkan oleh garis panduan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR).”

Kemajuan Ketara dalam Operasi

Meskipun mengharungi persekitaran mencabar akibat pandemik COVID-19, TNB mencatatkan kemajuan ketara dalam perniagaan yang dikawal selia iaitu Grid dan Rangkaian Pembahagian ekoran usaha berterusan Kumpulan untuk melakukan penambahbaikan talian grid sejajar dengan pelan pelaburan yang diluluskan mengikut IBR.

Amir menyatakan bahawa proses pemodenan Grid selama beberapa tahun ini membolehkan tindakan pantas dilakukan secara jarak jauh, seterusnya menyumbang kepada penurunan Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) TNB.

“SAIDI TNB menurun daripada 48.13 minit bagi setiap pelanggan setahun pada 2019 kepada 45.0 minit tahun lalu untuk kekal kukuh separas dengan kebanyakan negara maju. Minit Sistem kami pula menurun daripada 0.27 minit kepada 0.08 minit bagi mencatatkan kejayaan untuk berada pada paras bawah dua minit selama 12 tahun berturut-turut.”

Pelanjutan RP2 Yang Diluluskan dengan Terma-Terma yang Memberi Kelebihan

Pada bulan Disember 2020, TNB telah mendapat persetujuan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi pelanjutan tempoh RP2, untuk tempoh setahun sehingga 31 Disember 2021. Pelanjutan ini membuktikan keberkesanan mekanisme IBR untuk mengekalkan kestabilan industri tenaga. IBR adalah mekanisme untuk penetapan tarif elektrik berserta insentif untuk meningkatkan kecekapan TNB, dan memberi ketelusan kepada pengguna.

“Menerusi pelanjutan RP2, tarif asas yang kekal pada 39.45 sen/kWj dan Kos Modal Purata Wajaran (*weighted average cost of capital – WACC*) yang ditetapkan pada 7.3%, dapat memastikan pulangan yang stabil bagi entiti perniagaan TNB yang dikawal selia. Perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi dibenarkan lebih tinggi, masing-masing pada RM7.3 bilion dan RM6.3 bilion berbanding purata tahunan RM6.6 bilion dan RM6.1 bilion pada RP2. Peruntukan yang lebih tinggi bagi Hutang Ragu (*Doubtful Debt*) juga diluluskan pada RM200 juta pada TK2021 berbanding RM94.3 juta pada TK2020,” kata Amir.

Beliau juga mengumumkan TNB telah menyerahkan kertas cadangan RP3 kepada ST hari ini, 26 Februari 2021. RP3 akan bermula pada 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2024.

Pewujudan Nilai melalui Reimagining TNB

Penubuhan TNB Power Generation Sdn Bhd (TPGSB) sebagai sebahagian daripada pelan penstrukturan semula dalaman menerusi Reimagining TNB (RT), telah membuahkan hasil yang nyata kepada Kumpulan. Penubuhan TPGSB sebagai anak syarikat milik penuh TNB telah membawa kepada peningkatan Faktor Ketersediaan Loji Setara (*Equivalent Plant Availability Factor*) kepada 87.4% daripada 83.4% sebelum penubuhan TPGSB. Selain itu, terdapat pertumbuhan 20% EBIT hasil peningkatan ketersediaan loji, sementara produktiviti (RM/pekerja) meningkat sebanyak 25%.

Dengan penubuhannya pada 1 Oktober 2020, TPGSB akan memfokuskan kepada kecemerlangan operasi, pemulihan semula loji dan pengembangan aset dan perkhidmatan.

Memacu Proses Peralihan Industri Tenaga Malaysia

Sebagai penggerak utama peralihan industri tenaga negara, TNB terus meningkatkan tumpuannya terhadap tenaga lestari menerusi sasaran untuk mencapai kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE) sebanyak 8,300 MW di Malaysia dan peringkat antarabangsa menjelang 2025. Kapasiti penjanaan RE TNB kini berada pada 3,398 MW (termasuk stesen hidroelektrik besar). Ia merangkumi 2,732 MW daripada aset domestik dan 666 MW aset antarabangsa, melibatkan kira-kira 400 MW aset terletak di United Kingdom dan selebihnya di Turki (angin serta hidroelektrik) dan di India (solar).

Berkenaan pendirian syarikat dalam isu kelestarian, TNB berhasrat untuk mengesahkan pendapatan daripada penjanaan oleh arang batu kepada 25% dan kekal dengan komitmennya untuk tidak melabur dalam loji janakuasa arang batu baharu (*greenfield*). Loji janakuasa Jimah East Power yang dimula tugas pada tahun 2019 adalah loji arang batu baharu yang terakhir buat TNB.

Syarikat Terbaik Dalam Pengagihan Hasil Dividen

Lembaga Pengarah TNB telah meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 18 sen sesaham untuk suku tersebut, meningkatkan jumlah dividen satu peringkat kepada 40 sen sesaham bagi TK2020. Ini menjadikan nisbah pulangan dividen sebanyak 58.5% daripada Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) Kumpulan, seterusnya mencecah paras atas polisi dividennya iaitu 30% hingga 60% yang kekal konsisten selama empat (4) tahun kewangan berturut-turut.

Selain itu, Lembaga Pengarah turut meluluskan dividen khas sebanyak 40 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen sesaham sebanyak 80 sen, dengan nilai keseluruhan RM4.6 bilion untuk tahun kewangan ini.

“Kelulusan Lembaga Pengarah untuk memberi dividen khas 40 sen sesaham mencerminkan komitmen TNB untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham setia yang terus mempercayai keupayaan pihak pengurusan untuk mendapatkan pulangan yang baik terhadap pelaburan mereka, meskipun ketika menghadapi waktu yang sukar,” kata Amir.

Jumlah dividen sebanyak 80 sen sesaham membawa pulangan dividen TNB kepada 7.7% untuk 2020 (harga saham RM10.42 pada 31 Disember 2020), seterusnya mengekalkan TNB di kedudukan teratas bagi pulangan dividen tertinggi dalam kalangan 30 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia untuk dua tahun berturut-turut.

Prospek

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 3.4% pada suku keempat (3Q 2020: - 2.6%), terutamanya disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di beberapa negeri sejak pertengahan Oktober. Secara keseluruhannya bagi tahun 2020, ekonomi menguncup sebanyak 5.6%.

Meskipun pertumbuhan jangka terdekat pada tahun 2021 akan terkesan akibat langkah-langkah kawalan pandemik yang lebih ketat, kesannya tidak seteruk seperti yang dialami pada tahun 2020. Pertumbuhan dijangka akan bertambah baik bermula suku kedua, dipacu oleh pemulihan permintaan global dan polisi-polisi yang dilaksanakan seperti PENJANA, KITA PRIHATIN, Bajet 2021 dan PERMAI.

Lembaga Pengarah turut menjangkakan proses pemulihan Kumpulan yang dicatatkan pada separuh kedua TK2020 akan berterusan ke tahun 2021, walaupun berdepan dengan beberapa cabaran berikutan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagaimanapun, kesannya dapat dikurangkan kerana kebanyakan aktiviti ekonomi kekal beroperasi. Kumpulan juga mengambil langkah berhemah dari segi keperluan operasi dan kewangan untuk memastikanya tetap berdaya tahan.

Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	12 Bulan Berakhir 31 Dis'2020	12 Bulan Berakhir 31 Dis'2019
Jumlah Pendapatan	43,976.0	50,939.7
Perbelanjaan Operasi	(37,132.4)	(43,561.5)
Pendapatan Operasi Lain	1,061.4	1,131.0
Lebihan Operasi (EBIT)	<u>7,358.8</u>	<u>8,206.8</u>
Kos Kewangan	(3,668.7)	(3,382.7)
Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing	71.6	200.6
Keuntungan bersih (sebelum Keuntungan/ (Kerugian)) Tukaran Wang Asing	3,521.1	4,328.6
Keuntungan Bersih yang Diagihkan kepada Pemilik Syarikat	3,592.7	4,529.2
Keuntungan Tempoh Berkenaan	3,616.4	4,445.0
Pendapatan sesaham	63.06 sen	79.64 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2020, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Februari 2021

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau email kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan